

## A. PENGENALAN

Isu komplians pesakit dalam mematuhi rawatan pesakit TB merupakan satu isu yang tidak boleh dipandang ringan. Kegagalan rawatan akibat dari ketidakpatuhan terhadap rawatan bakal meningkatkan risiko MDR TB yang bakal menyukarkan proses penyembuhan dan meningkatkan komplikasi penyakit. Pegawai farmasi dilihat berupaya untuk menyumbang untuk mengelakkan isu ketidakpatuhan terhadap rawatan berlaku. Setiap pesakit seharusnya perlu diberi kaunseling berkaitan pengambilan ubat-ubatan bagi rawatan penyakit TB. Sehubungan itu Pegawai Farmasi perlu memainkan peranan penting dalam mengendalikan sesi kaunseling ubat-ubatan.

## B. OBJEKTIF

1. Meningkatkan keberkesanan rawatan TB di kalangan pesakit.
2. Meningkatkan tahap kepatuhan pesakit terhadap rawatan penyakit TB.
3. Mengurangkan risiko kesan sampingan akibat dari rawatan penyakit TB.
4. Mengurangkan risiko jangkitan TB di kalangan anggota kesihatan.

## C. SKOP SERVIS

1. Setiap pesakit yang baru memulakan rawatan penyakit TB perlu menjalani sesi kaunseling ubat-ubatan.
2. Sesi kaunseling ini perlu dijalankan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh rawatan intensif & *maintenance*.

## D. LOKASI

Perkhidmatan kaunseling pesakit TB boleh dilakukan di ruang klinik ataupun di bilik kaunseling mengikut kesesuaian fasiliti.

## E. PENGENDALIAN SESI KAUNSELING

Sesi kaunseling pesakit TB perlu dikendalikan dengan menggunakan prosedur kaunseling yang ditetapkan di dalam Garis Panduan Kaunseling Ubat-Ubatan oleh Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia. Semua sesi kaunseling perlu didokumenkan menggunakan borang kaunseling.

Bagi melindungi pegawai bertugas dan pesakit lain, langkah-langkah kawalan infeksi berikut perlu diambil:-

1. Pegawai bertugas perlu menggunakan *Protective Equipment* (PPE) seperti *3-ply face mask* atau *N95 mask*.
2. Elakkan melakukan kaunseling di kaunter farmasi.

3. Pesakit yang hadir perlu diberikan 3-ply face mask untuk dipakai setiap masa semasa berada di klinik.
4. Pesakit perlu didedahkan dengan pengetahuan berkaitan cara mengelak penyebaran TB melalui kemahiran etika batuk (lampiran 1) dan teknik cucian tangan yang betul.

#### **F. TEMUJANJI**

Temujanji pesakit boleh dilakukan sendiri oleh pegawai farmasi ataupun rujukan dari Pegawai Perubatan/Jururawat/Pembantu Pegawai Perubatan. Sebaiknya, seorang pesakit TB perlu dikaunsel sebanyak tiga kali oleh pegawai farmasi sepanjang menerima rawatan.

#### **G. KRITERIA PEMILIHAN PESAKIT UNTUK DIKAUNSEL**

1. Pesakit yang baru didiagnos penyakit TB.
2. Pesakit yang sedang menerima rawatan tetapi belum pernah dikaunsel oleh pegawai farmasi.
3. Pesakit yang mengalami perubahan dalam rejimen rawatan.
4. Pesakit yang mempunyai masalah kepatuhan atau keciciran terhadap rawatan.

#### **H. BILANGAN SESI KAUNSELING**

Bagi pesakit yang baru memulakan rawatan, sekurang-kurangnya dua sesi kaunseling perlu dilakukan:-

1. Satu sesi sewaktu memulakan fasa intensif.
2. Satu sesi sewaktu memulakan fasa *maintenance*.

Bagi pesakit yang telah memulakan rawatan dalam jangkamasa yang lama, sekurang-kurangnya satu sesi kaunseling perlu dijalankan. Selain itu, pesakit yang mempunyai masalah kepatuhan, bilangan sesi kaunseling bergantung kepada justifikasi pegawai yang melakukan kaunseling.

#### **I. DOKUMENTASI**

1. Aktiviti kaunseling perlu direkodkan menggunakan borang kaunseling individu. Borang tersebut perlu difailkan secara berasingan dari borang kaunseling individu lain bagi memudahkan statistik aktiviti diperolehi sekiranya diperlukan.
2. Sekiranya borang kaunseling pesakit TB difailkan bersama dengan borang kaunseling lain, perlu ada mekanisme untuk mengesan semula borang-borang tersebut bagi tujuan pengumpulan statistik dan pemantauan.
3. Semua kesan sampingan (ADR) terhadap ubat-ubatan bagi rawatan TB perlu dipantau dan direkodkan menggunakan borang-borang yang sewajarnya.

**J. BAHAN-BAHAN RUJUKAN**

Dokumen-dokumen berikut boleh dirujuk sewaktu mengendalikan sesi kaunseling:

1. Clinical Practice Guidelines: Management of Tuberculosis. 3rd ed. November 2012.
2. Handbook Kaunseling Pesakit TB untuk Pegawai Farmasi. Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia.
3. Garis Panduan Kaunseling Ubat-Ubatan. Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia.

ETIKA BATUK

Hentikan Sebaran Kuman Yang Membuat Anda Dan Orang Lain Sakit !

**TUTUP BILA BATUK**



Tutup mulut dan hidung dengan kertas tisu bila batuk atau bersin

Buang kertas tisu yang telah digunakan ke tong sampah

Atau



Batuk atau bersin ke bahagian lengan atas dan bukan tangan anda



Anda mungkin perlu memakai topeng (Mask) surgikal bagi melindungi orang lain

**Cuci Tangan ANDA selepas batuk atau bersin**



Basuh tangan dengan sabun dan air selama 20 saat

Atau

Basuh tangan anda dengan sabun cucian yang beralkohol

